

Analisis Terhadap Penulisan Ibn Ishāq dalam Kitab Al-Sīrah Al-Nabawiyyah

Analysis of Ibn Ishāq's Writing in the Book of Al-Sīrah Al-Nabawiyyah

Hamidi Abdul Ghani¹ & Nasron Yaacob²

¹ (Corresponding Author) Department of Syariah, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mel: al_humaidi011@yahoo.com

² Department of Syariah, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mel: drnasron@gmail.com

ABSTRAK

Ibn Ishāq adalah seorang tokoh ilmuan yang tersohor dengan penulisan sirah Nabi SAW. Karyanya telah menjadi rujukan sirah bagi para ilmuan yang datang selepas zamannya. Namun karyanya juga tetap tidak terlepas daripada kritikan sebagaimana karya-karya lain. Maka objektif kajian ini ialah mengenal pasti kedudukan karya *Sīrah* Ibn Ishāq dan pandangan para ilmuan Islam terhadapnya. Kajian ini turut menganalisis tahap autoritatif karya ini dalam bidang sirah. Kajian kualitatif ini menggunakan metode pemerhatian terhadap dokumentasi yang berkaitan dengan *Sīrah* Ibn Ishāq. Hasil kajian mendapati bahawa *Sīrah* Ibn Ishāq tidak terkecuali daripada sebarang kekurangan yang diajukan oleh para ilmuan Islam. Kekurangannya terutama dalam kaedah periwatan hadis berkaitan sirah boleh diperbaiki oleh kajian-kajian baharu selepas ini. Namun keberadaannya dalam bidang keilmuan Islam masih memberikan manfaat ilmiah yang sesuai. Karya tersebut telah berjasa dalam membekalkan maklumat dan memperkenalkan langkah pertama penulisan ilmu sirah Nabi SAW. Implikasi dari kajian ini menjelaskan bahawa rujukan bidang sirah kepada *Sīrah* Ibn Ishāq bukanlah suatu rujukan muktamad kerana kaedah periyatannya yang boleh dipertikaikan. Justeru sirah berasaskan riwayat hadis sahih perlu diutamakan jika terdapat percanggahan dengan periyatatan *Sīrah* Ibn Ishāq.

Kata Kunci: Analisis; Ibn Ishāq; Sirah Nabawiyyah

ABSTRACT

Ibn Ishāq is a scholar who is famous for writing the history of Prophet (PBUH). His work has become a reference for scholars who came after his time. Nevertheless, his work does not escape criticism from others. The objective of this study is to identify the classification of Sirah Ibn Ishāq's and the views of Islamic scholars upon it. In addition, this study also aims to analyse the authoritative level of his work in the field of seerah. This qualitative study refers to the method of observation and will

obtain data from the documentation related to Sirah Ibn Ishāq. The results have highlighted a few limitations found from Sirah Ibn Ishāq as proposed by Islamic scholars. The shortcomings, especially in the method of narrating hadith of Prophet (PBUH) may be further improved by new studies in future. Nevertheless, his works are still acknowledged and relevant to be used as references. The implication of this study explains that the references in the field of seerah by means of the Sīrah Ibn Ishāq are not a definitive reference due to its arguable method of narration. Therefore, future scholars of seerah should refer to the authentic hadith in examining any contradiction with the works of Sīrah Ibn Ishāq.

Keywords: Analysis; *Ibn Ishāq*; *Sirah Nabawiyah*

1. Pendahuluan

Ibn Ishāq merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang sangat dikenali awam, khususnya ketika membicarakan isu yang berkaitan dengan sejarah hidup Nabi SAW. Karyanya yang tersohor ialah *al-Sīrah al-Nabawiyah* (2004), yang lebih dikenali umum sebagai *Sīrah Ibn Ishāq*. Karya tersebut secara umumnya telah menjadi rujukan utama para ilmuan Islam selepas zamannya dalam bidang ilmu sirah Nabi SAW. Hal tersebut adalah kerana Ibn Ishāq berada dalam zaman Tabi‘in yang hampir dengan zaman kenabian dan merupakan karya terawal yang pernah ditulis tentang sirah Nabi SAW. Penulisan dalam bidang sirah ini juga adalah bersekali dengan penyusunan bab *maghāzi* (peperangan) yang ada dalam kitab-kitab hadis. Justeru penulisan sirah Nabi SAW sebenarnya telah bermula secara tidak formal pada zaman Sahābah RA dan Tābi‘in, berserta penglibatan pengumpulan hadis oleh ulama hadis yang berkaitan dengan sirah tersebut (Mujani, 2007).

Walaupun *Sīrah Ibn Ishāq* diakui sebagai karya terawal berkenaan sirah Nabi SAW (Spoerl, 2013), namun ia juga tidak terlepas daripada kritikan para ulama selepasnya. Antara kritikan ilmuan Islam terhadap karyanya itu, ialah ketelusan Ibn Ishāq dalam membawakan kisah-kisah berkaitan sirah Nabi SAW. Dia didakwa telah dipengaruhi oleh sentimen aliran Shī‘ah, selain ciri-ciri keraguan dalam sesuatu kisah dalam penulisan sirahnya.

Sehubungan itu antara persoalan yang boleh ditimbulkan tentang *Sīrah Ibn Ishāq* ini ialah sejauh mana kedudukan karya ini dari sudut autoritinya pada perspektif dan penilaian para ulama sepanjang zaman. Kedudukan *Sīrah Ibn Ishāq* ini perlu dijelaskan keputusan ilmiah dan rujukannya agar dapat diadaptasi dengan cara yang sepatutnya oleh umat Islam sepanjang zaman. Justeru objektif kajian ini terbahagi kepada tiga aspek. Pertama, menjelaskan perspektif para ulama terhadap kedudukan *Sīrah Ibn Ishāq* sebagai satu rujukan terhadap sirah Nabi SAW. Kedua, mengenal pasti pandangan para ulama terhadap keperibadian Ibn Ishāq itu sendiri. Ketiga,

menganalisis keautoritian Ibn Ishāq dan karyanya sebagai karya rujukan sirah Nabi SAW.

Secara keseluruhannya, kajian berbentuk kajian kualitatif ini menggunakan kaedah penelitian terhadap dokumen-dokumen berkaitan Ibn Ishāq dan penulisan karya sirahnya. Dalam konteks tersebut, proses menganalisis penulisan karya Ibn Ishāq tertumpu kepada aspek sejarah dan data-data yang terkandung dalam dokumen yang berkaitan.

2. Teori Kajian

2.1 Biografia Ibn Ishāq

Ibn Hajar dalam kitabnya *Tahdhīb al-Tahdhīb* (1984) menyatakan nama lengkap Ibn Ishāq ialah Muhammad bin Ishāq bin Yasar bin Khiyar. Datuk beliau iaitu Yasar bin Khiyar adalah tawanan perang dari negeri Iraq, pada masa penaklukan oleh panglima Khālid bin al-Walīd tahun 12H. Dia dibawa ke Madīnah dan menjadi hamba kepada Qais bin Makhramah bin Mutalib bin Abdul Manaf. Ibn Ishāq dilahirkan di Madīnah pada tahun 85 H. Beliau sempat berjumpa dengan Anās bin Mālik dan Sa‘īd bin Musayyab. Beliau telah belajar di Iskandariah, Kūfah, Jazīrah, Hirah dan Baghdād. Perjalanan pertama beliau ialah ke Iskandariah pada tahun 115H.

Antara gurunya ialah Qāsim bin Muhammad bin Abu Bakar, Abbān bin ‘Uthman bin ‘Affān, Muhammad bin ‘Ali bin Ḥassan bin Abi Ṭālib, Nafi’e *maulā* (penolong) Ibn ‘Umar, dan al-Zuhri. Manakala para muridnya seperti Yahya bin Sa‘īd al-Anṣārī, Sufyān al-Thawri, Ibn Juraij, Sufyān bin ‘Uyaynah, dan Bakka’i. Selain menulis kitab *al-Šīrah al-Nabawiyyah* (2004), Ibn Ishāq juga ada menulis kita lain iaitu *Tārīkh al-Khulafā’*, *Kitāb al-Futūḥ* dan *Akhbār Kulayb wa Jassās*. Ibn Ishāq wafat di Baghdād pada tahun 151H menurut satu pendapat, dan dikebumikan di perkuburan al-Khayzurān (Deraman & Yusof, 2010) bersebelahan dengan kubur Abu Hanifah dari sebelah bahagian timur.

2.2 Kedudukan Ibn Ishāq Dan Sikap Ulama Terhadap Beliau

Tidak dapat disangkal, kemasyhuran penulisan Ibn Ishāq dalam bidang sirah Nabi SAW khususnya berkenaan *maghāzi* (ekspedisi perang). *Al-Maghāzi* adalah perkataan Arab dari kata *ghazwah* iaitu ekspedisi militer (perang). Bahagian *maghāzi* yang disebutkan dalam hadis Nabi SAW adalah merujuk kepada ekspedisi peperangan yang melibatkan kepimpinan Nabi SAW sama ada perang itu berlaku atau tidak berlaku (Azra, 2002).

Ibn Hajar (1984) telah meriwayatkan beberapa pandangan ulama terhadap Ibn Ishāq dan karya sirahnya. Antaranya Ibn Shihāb al-Zuhri yang

pernah berkata: “*Ibn Ishāq adalah seorang yang paling mengetahui tentang maghāzi*” (al-Ya‘muri, 2008). Al-Zahabi berkata:

“*Ibn Ishāq adalah gedung ilmu dan alim tentang sirah dan maghāzi* (al-Dhahabi, 1374H). Al-Shāfi‘ie berkata: “*Sesiapa ingin mendalamai tentang maghāzi adalah menjadi keluarga kepada Ibn Ishāq.*” (al-Ya‘muri, 2008). Ibn ‘Adi berkata: “*Aku telah memeriksa hadis-hadis Ibn Ishāq, tapi tidak aku dapati hadis-hadisnya yang boleh dikatakan dia seorang yang lemah, mungkin kadang-kadang dia tersalah sebagaimana orang lain juga tersalah, dan riwayatnya tak bertentangan dengan riwayat orang-orang yang boleh dipercayai, kesimpulannya dia boleh diterima.*”

Di samping puji tentang keilmuan Ibn Ishāq seperti yang dipaparkan di atas, terdapat juga beberapa tohmahan dan tuduhan yang ditujukan kepadanya. Di antara tohmahan tersebut ialah Ibn Ishāq adalah seorang penganut beraliran Shī‘ah dan Qadariyyah, seorang *mudallis* (menyembunyi aib dalam *sanad*), seorang yang sering mengambil hadis palsu daripada *al-majhūlīn* (orang tidak dikenali). Tohmahan juga datang daripada Imām Mālik dan Hishām bin ‘Urwah. Ibn Sayyid al-Nās telah mengemukakan bantahan terhadap tuduhan yang ditujukan kepada Ibn Ishāq dengan menyatakan bahawa jika Ibn Ishāq dituduh sebagai beraliran Shī‘ah dan Qadariyyah, maka hal ini tidak menyebabkan riwayatnya ditolak dan tidak juga menjatuhkan darjat riwayatnya kepada kategori yang sangat lemah. Riwayat yang ditolak ialah jawapan apabila seseorang itu benar-benar menyeru kepada Shī‘ah atau seumpamanya (al-Ya‘muri, 2008).

Tentang *tadlīs* (sembunyi aib) pula, maka ia terbahagi kepada dua iaitu yang tercela dan tidak tercela. Dalam hal ini, *tadlīs* Ibn Ishāq tidaklah dapat dikategorikan sebagai tercela. Berkenaan tuduhan mengambil banyak riwayat palsu daripada *al-majhūlīn*, maka dapat dikatakan kritikan atau celaan itu adalah ditujukan kepada *al-majhūlīn* tersebut, dan bukan kepada Ibn Ishāq yang mengambil riwayat mereka. Ini kerana Ibn Ishāq adalah seorang yang boleh diterima riwayatnya. Perselisihan yang terjadi antara Ibn Ishāq dengan Imam Mālik kerana Ibn Ishāq mengatakan *nasab* (keturunan) Imām Mālik adalah daripada keturunan hamba *dhi aşbah* (pemerintah Yaman), sedangkan Imām Mālik menganggap dirinya daripada keturunan *dhi aşbah* tersebut. Begitu juga Imam Mālik menyifatkan Ibn Ishāq sebagai Dajjal yang meriwayatkan sumber maklumat daripada Yahudi. Namun akhirnya mereka berdua berdamai ketika Ibn Ishāq mahu berangkat ke Iraq. Malah Imām Mālik memberikan Ibn Ishāq wang penghargaan sebanyak 50 dinar dan setengah hasil buah-buahannya bagi tahun itu (al-Ya‘muri, 2008).

Sebenarnya, celaan Imām Mālik kepada Ibn Ishāq bukan dalam masalah hadis, tetapi kerana Ibn Ishāq banyak mengikuti perkembangan sejarah peperangan Rasulullab SAW daripada anak-anak Yahudi yang telah

masuk Islam dan menghafal sejarah perang Khaibar, perang Bani Quraiżah dan Bani Naḍīr. Dan Ibn Ishāq sendiri tidak menjadikan riwayat-riwayat mereka sebagai hujah, tapi hanya untuk menambah pengetahuan sahaja (al-Ya‘muri, 2008).

Menurut Hishām bin ‘Urwah, sesuatu riwayat mesti diterima dengan cara melihat. Kerana itu dia telah menolak pandangan Ibn Ishāq yang mendakwa telah meriwayat hadis daripada isterinya iaitu Fātimah binti al-Munzir bin al-Zubayr. Tentang tuduhan tersebut para ulama telah menjawab seperti berikut:

1. Dalam masalah periwayatan, tidaklah semestinya seorang perawi itu perlu melihat orang yang meriwayatkan hadis seperti para sahabat Nabi SAW yang meriwayatkan hadis daripada isteri-isteri Nabi SAW. Oleh itu kemungkinan Ibn Ishāq telah meminta izin daripada isteri Hishām dan seterusnya telah mendengar riwayat tersebut dari sebalik tabir. Ibn Ḥajar pernah menulis bahawa tidak menjadi aib jika seseorang meriwayatkan suatu riwayat daripada perempuan tanpa melihatnya (Ibn Ḥajar, 1984).
2. Umur Ibn Ishāq pada waktu itu adalah dalam usia muda, sedangkan isteri Hishām telah lanjut usianya.
3. Kemungkinan juga Hishām tidak pernah membuat tuduhan seperti itu kepada Ibn Ishāq (al-Saqā, 2009).

Berdasarkan perbincangan tentang kedudukan Ibn Ishāq dan sirahnya seperti di atas, dapat disimpulkan bahawa karyanya itu telah menjadi bahan perselisihan di antara para ulama. Sebilangan ulama masih boleh menerima karya tersebut, sedang yang lain pula menolaknya dengan dalil dan bukti masing-masing.

3. Objektif Penulisan Sirah Ibn Ishāq

Sirah Ibn Ishāq telah dikarang pada masa permulaan pemerintahan ‘Abbāsiyah dengan perintah Khalifah. Suatu ketika Ibn Ishāq telah masuk menghadap khalifah al-Manṣūr di Baghdaḍ, dan yang hadir bersama Khalifah ialah anaknya al-Mahdi. Al-Manṣūr bertanya kepada Ibn Ishāq: “*Adakah kamu mengenali budak ini wahai Ibn Ishāq?*” Ibn Ishāq menjawab: “*Ya, dia adalah anak Amirul Mukminin*”. Al-Manṣūr berkata: “*Pergilah dan karanglah untuknya satu kitab semenjak penciptaan Adam sehingga ke hari ini*”. Ibn Ishāq kemudiannya berusaha memenuhi titah tersebut dan mula mengarang kitab yang diperintahkan itu (Harun, 1985).

Namun sebahagian para peneliti berpendapat Ibn Ishāq tidak mengarang bukunya atas dasar titah perintah khalifah, dan tidak pula mengarang di negeri Baghdaḍ. Malah Ibn Ishāq sebenarnya telah

mengarangnya di Madīnah sebelum bermukim dalam Kerajaan Abbāsiyah Khalifah al-Manṣūr (Għadbān, 1419H). Pendapat ini berdasarkan kepada fakta bahawa semua perawi yang terdapat dalam sirahnya oleh orang-orang Madīnah dan Mesir, dan tidak terdapat seorang pun daripada mereka yang berasal dari ‘Irāq. Selain itu, banyak peristiwa-peristiwa yang tidak diterima oleh golongan dalam ‘Abbāsiyah terhadap isi kandungan kitab Ibn Ishāq tersebut. Dikatakan, Ibn Hishām yang datang selepas zaman itu telah membuang peristiwa-peristiwa tersebut (al-Saqā, 2009).

Kesimpulannya, objektif penulisan sirah Ibn Ishāq ialah bermotifkan ajaran agama daripada al-Quran dan hadis, kerana kedua-dua sumber ini sentiasa memberi inspirasi kepada umat Islam untuk terus maju dalam bidang ilmu pengetahuan serta mengekalkan tradisi keilmuan Islam yang sihat dan berfaedah (Ibrahim & Yahya, 1998).

4. Kandungan Sirah Ibn Ishāq

4.1 Pengenalan

Pada asalnya *Sīrah Ibn Ishāq* terbahagi kepada tiga juzuk iaitu *Kitāb al-Mubtadā'*, *Kitāb al-Mab'ath* dan *Kitāb al-Maghāzi*. *Kitāb al-Mubtadā'* merangkumi sejarah zaman jahiliah, dan ia dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu:

- a. Sejarah ajaran-ajaran terdahulu sebelum kedatangan Islam
- b. Sejarah negeri Yaman pada zaman jahiliah
- c. Sejarah kabilah-kabilah Arab dan peribadatan mereka
- d. Sejarah Makkah dan datuk-datuk Rasūlullah SAW

Kitāb al-Mab'ath pula ialah kitab yang mengandungi kisah tentang kehidupan Rasūlullah SAW di Makkah dan semasa hijrah ke Madīnah. Manakala *Kitāb al-Maghāzi* ialah kitab yang mengandungi kehidupan Rasūlullah di Madīnah (Kashif, 1983). Graham (1992) juga mengakui kandungan *Sīrah Ibn Ishāq* sebagaimana yang disebutkan di atas.

Kitab *Sīrah Ibn Ishāq* lebih masyhur dirujuk kepada penulisan semula oleh Ibn Hishām. Dia telah meringkas dan membaikinya sehingga sirah ini dikenali dengan nama *Sīrah Ibn Hishām*. Sirah ini diterima oleh para ulama dan menjadi rujukan utama kepada peminat-peminat sirah (al-'Umari, 1994). Ibn Hishām telah bersikap amanah ketika meriwayatkan kitab Ibn Ishāq. Beliau tidak mengubah dan menambah walau satu ayat untuk menerang kesalahan Ibn Ishāq atau menjelaskan hal-hal yang kesamaran dan pertentangan antara riwayat-riwayat kecuali beliau mengemukakan dengan menyebut : “Telah berkata Ibn Hisyām” (Harun, 1985).

4.2 Kaedah Penulisan

Ibn Ishāq tidak menggariskan kaedah penulisan tertentu dalam penulisannya seperti yang dilakukan oleh Ibn Hishām dan Ibn Kathīr dalam pendahuluan kitab masing-masing. Tetapi berdasarkan pengamatan, maka dapat dirumuskan secara ringkas beberapa kaedah yang telah digunakan oleh Ibn Ishāq, seperti berikut:

1. Ibn Ishāq telah menyusun kitab sirahnya berdasarkan urutan masa berlaku sesuatu peristiwa atau disebut kronologi yang menjadi teras dalam disiplin sejarah. Dalam ilmu sejarah aspek kronologi amat penting kerana ia dapat memastikan sesuatu peristiwa itu berlaku pada zaman apa dan siapa yang melakukannya dan di mana ia berlaku. Tanpa maklumat kronologi, ia boleh mendatangkan kekeliruan terhadap proses perkembangan sejarah dan pemikiran manusia (Yahya & Jelani, 1993). Ibn Ishāq telah menggunakan kaedah ini terutama dalam kitab *al-Mab'ath* dan *al-Maghāzi*. Namun terdapat beberapa peristiwa tidak dipakai kaedah ini seperti ketika beliau menyebut tentang isteri-isteri Rasūlullah SAW.
2. Sedia maklum, Ibn Ishāq mempunyai sifat periwayat hadis dan ahli sejarah. Di dalam penulisan sirahnya beliau telah terpengaruh dengan pendekatan ulama hadis. Antara ciri-ciri terpenting dalam penulisan hadis ialah penggunaan sistem *isnād* (rangkaian perawi hadis). Perawi hadis mestilah seorang yang dipercayai dan mempunyai ingatan yang kuat. Sifat-sifat yang ada pada seseorang periwayat itu sendiri boleh menentukan sama ada hadis yang diriwayatkan itu sahih atau tidak (al-Tahhān, 1987). Sebagai contoh, Ibn Ishāq menyatakan: “Yazid bin Ruman telah menceritakan kepada aku, daripada ‘Urwah bin Zubayr daripada ‘Āisyah dia berkata (Ibn Hisyām, 1990). Kadang-kadang Ibn Ishāq hanya menyebut seorang perawi sahaja, seperti contoh berikut: Ibn Ishāq berkata: “Muhammad bin Muslim bin ‘Abd Allah bin Syihāb al-Zuhri menceritakan kepadaku” (Ibn Hisyām, 1990). Kita dapat juga Ibn Ishāq dalam *isnādn*nya tidak menjelaskan nama seorang perawi. Ada kalanya hanya beliau menyebut “orang yang tidak saya ragui”, contohnya: Ibn Ishāq berkata: “Orang yang tidak aku ragu itulah menceritakan kepadaku daripada ‘Abd Allah bin Ka’ab” (Ibn Hisyām, 1990).

Isnād mengikut pengertian moden adalah menyebut sumber rujukan seperti bentuk nota kaki atau seumpamanya. Dengan adanya sistem *isnād*, sesebuah kerja atau buku sejarah itu boleh dipertanggungjawabkan (al-Zuhaili, 1999). Dalam *Kitāb al-Mubtada'*, Ibn Ishāq tidak mengambil berat sistem *isnād* kecuali pada bahagian kecil tertentu sahaja.

3. Ibn Ishāq telah menghimpunkan beberapa senarai di bawah satu tajuk. Antara senarai yang telah dihimpunkan ialah senarai para sahabat yang masuk Islam hasil dakwah Abu Bakar, senarai nama sahabat yang berhijrah ke Habsyah, senarai nama peperangan (*ghazwah*) yang disertai oleh Rasūlullah SAW sebanyak 27 kali, dan senarai nama utusan perang yang diutus oleh Rasūlullah SAW sebanyak 38 kali (Ibn Hisyām, 1990).
4. Sebelum sesuatu cerita ditulis, Ibn Ishāq akan menulis pendahuluan cerita secara ringkas kemudian diikuti dengan berbagai cerita dari semua pendapat yang diambil dari beberapa sumber yang berlainan. Contohnya cerita pemergian Khālid bin al-Walīd menemui Bani Jazimah selepas pembukaan Mekah. Ibn Ishāq menulis pendahuluan cerita dengan kenyataanya: “Rasūlullah SAW telah mengutus utusan dakwah di sekitar Mekah dan baginda tidak menyuruh untuk berperang. Antara utusan tersebut ialah Khālid bin al-Walīd yang diarah sebagai pendakwah dan bukan pejuang untuk menemui Bani Jazimah, tapi dia telah membunuh mereka”. Ibn Ishāq telah menulis cerita tentang peristiwa itu dari berbagai sumber. Antara sumber cerita ini ialah daripada Hakim bin Hakim, Abu Ja‘far Muḥammad bin Ali dan orang alim dari kalangan Bani Jazimah (Ibn Hisyām, 1990).
5. Ibn Ishāq amat teliti ketika menulis sumber cerita. Beliau tidak akan menisbahkan sesuatu riwayat kepada orang tertentu kecuali apabila diyakini kesahihannya. Apabila sumber itu kurang jelas beliau hanya menulis: “Apa yang telah sampai kepadaku”, atau kadang-kadang: “Telah diceritakan kepadaku daripada...”. Contoh ini dapat dilihat dalam kisah *Isrā’ Mi’rāj* yang diriwayat oleh Ummu Hani’ (Ibn Hisyām, 1990).
6. Seni syair adalah budaya orang Arab dan ia boleh menyalurkan pelbagai maklumat kepada masyarakat Islam. Ibn Ishāq terlalu banyak mengambil syair dalam penulisan sirahnya. Kadang-kadang sebahagian dari syair-syair itu tidak diketahui sumbernya. Kerana itu Ibn Hisyām membuang banyak syair-syair dari sirah Ibn Ishāq yang asal, dengan penekanan pada syair-syair yang mempunyai kaitan dengan peristiwa tertentu sahaja. Sebagai contoh, Ibn Ishāq memetik syair Ḥassan bin Thābit yang berkaitan dengan peristiwa pembukaan Mekah (Ibn Hisyām, 1990).
7. Ibn Ishāq juga turut memetik ayat-ayat al-Quran yang ada kaitan dengan peristiwa tertentu terutamanya kalau peristiwa tersebut merupakan sebab turun sesuatu ayat al-Quran. Misalnya ayat 8 dan 9 dari surah al-An‘ām.

Terjemahannya: “Dan mereka berkata: “Mengapa tidak diturunkan malaikat kepadanya (Muhammad)? Padahal kalau kami turunkan malaikat nescaya selesailah perkara itu (kerana mereka tetap berdegil dan tidak akan beriman) kemudian mereka tidak memberi tempoh (lalu diberikan dengan bala’ bencana secara mengejut). Dan kalau (Rasul) itu kami jadikan malaikat, tentulah kami jadikan dia berupa seorang lelaki (supaya mereka dapat melihatnya), dan tentulah Kami (dengan yang demikian) menyebabkan mereka kesamaran sebagaimana mereka sengaja membuat-buat kesamaran (tentang kebenaran Nabi Muhammad SAW).”

Ayat ini diturunkan ketika Rasūlullah SAW berdakwah kepada kaumnya. Lantas beberapa pemuda Quraisy berkata kepada baginda: “Kalaularah diutuskan bersama engkau ialah malaikat yang menceritakan hal engkau, nescaya akan beriman” (Ibn Hisyām, 1990).

8. Ibn Ishāq juga memetik hadis yang ada kaitan dengan sesuatu cerita, seperti cerita Rasūlullah SAW mengembala kambing (Ibn Hisyām, 1990). Disebut dalam hadisnya: “Tiada seorang nabi melainkan mengembala kambing”, lalu ditanyakan kepada baginda: “Begin juga dengan engkau wahai Rasūlullah? Baginda menjawab: “Begin juga dengan aku” (Ibn Ḥajar, 1990).
9. Menghimpunkan beberapa perawi dan mencampuradukkan antara satu sama lain di dalam satu riwayat yang sama. Contohnya Ibn Ishāq berkata: “Muhammad bin Muslim al-Zuhri, Asma Bin Omar Bin Qatadah, ‘Abd Allah bin Abu Bakar, Yazid bin Roman telah menceritakan kepadaku, daripada ‘Urwah bin al-Zubayr dan ulama kami yang lain daripada Ibn ‘Abbās (Ibn Hisyām, 1990). Sistem ini dinamakan *sanad jamā‘ī* (Mu’nis, 1985).
10. Menggunakan kalimah “daripada” sebagai tanda rangkaian antara *sanād*, kecuali perawi yang pertama (al-Tahhān, 1987). Kaedah ini dipanggil “*al-mu‘an‘an*” dalam ilmu mustalah hadis. Contoh: “Berkata Ibn Ishāq: Yazid bin Rumman telah menceritakanku daripada ‘Urwah bin al-Zubayr daripada ‘Ā’ishah yang katanya...” (Ibn Hisyām, 1990).

4.3 Tokoh Perawi

Selain merujuk dan mengambil dari al-Quran, hadis dan syair Arab, Ibn Ishāq juga mengambil riwayat sirah daripada tokoh-tokoh yang dipercayai. Di antara tokoh utama ialah al-Zuhri, ‘Āsim bin Umar dan ‘Abd Allah bin Abu Bakar. Selain daripada tokoh-tokoh tersebut ramai lagi para perawi yang menjadi sumber rujukan dalam Sirah Ibn Ishāq. Namun secara

keseluruhannya, urutan riwayatnya kembali kepada keluarga al-Zubayr dan *mawāli* (bekas hamba) mereka (al-Ṭabari, 1991).

1. Al-Zuhri

Menurut al-Dhahabi (1374H), nama sebenar al-Zuhri ialah Muḥammad bin Muslim bin Ubaidullah bin ‘Abd Allah bin Syihāb bin ‘Abd Allah bin al-Ḥārith bin Zuhrah bin Kilāb bin Murrah bin Ka‘ab bin Lu’ay bin Ghālib. Beliau lebih dikenali dengan gelaran al-Zuhri. Beliau merupakan seorang tokoh sejarawan Islam yang terulung dan terkenal juga dalam bidang hadis dan fiqh. Mengenai tarikh kelahirannya, para sejarawan Islam telah berbeza pendapat. Pendapat berkenaan tahun kelahirannya ialah pada tahun 50H atau 51H atau 56H atau 58H.

Walau bagaimanapun, al-Zuhri bin Bakar dan al-Wāqidi, sebagaimana dinyatakan oleh al-Dhahabi dalam bukunya Tarājim al-Rijāl menyatakan bahawa al-Zuhri hidup sehingga umurnya 72 tahun (Ibn Kathīr, 1987). Berpandukan kepada catatan tersebut, adalah dibuat andaian bahawa tarikh lahir al-Zuhri ialah pada tahun 52H (671M). Tempat lahirnya ialah di Kota Madīnah dan beliau meninggal pada 17 Ramadan 124H (724M). Al-Zuhri telah belajar dengan para ulama hadis yang terkemuka pada zamannya, antaranya ialah ‘Urwah bin al-Zubayr, Sa‘id bin al-Musayyab, Abban bin Uthman dan ‘Ubaidullah bin ‘Abd Allah bin Utar. Kesemua mereka ini dianggap ulama yang berkaliber dan terkenal sebagai salah seorang periyat hadis yang mempunyai daya ingatan yang tajam. Dengan berdasarkan sumber bertulis dan bukan semata-mata berdasarkan lisan, karya-karya al-Zuhri lebih diyakini berbanding dengan karya rakan-rakan yang sezaman dengannya.

Al-Zuhri sebagai sumber perawi dalam sirah Ibn Ishāq adalah merupakan tokoh yang paling dipercayai dan telah memberi implikasi yang amat besar dalam penilaian sirah Ibn Ishāq itu sendiri. Ini adalah kerana berkenaan karya *maghāzi* dan kewibawaan al-Zuhri dalam bidang sejarah telah dijelaskan oleh al-Ṭabari dengan kata-katanya “*Muhammad bin Muslim al-Zuhri adalah seorang pencerita kaum Quraisy dan Ansar dan sejarah Rasūlullah dan para sahabatnya*”. Namun demikian kitab *al-Maghāzi* karangan al-Zuhri ini tidak dapat ditemui, yang ada hanyalah merupakan beberapa petikan dalam karya-karya Ibn Ishāq, al-Wāqidi, al-Ṭabari, al-Baladhuri dan Ibn Sayyid al-Nās. Antara *muqtāṣafāt* (petikan-petikan) yang boleh didapati dalam buku-buku sirah oleh penulis-penulis yang tersebut di atas, boleh dikategorikan kepada tiga; iaitu sebelum Islam, zaman kerasulan, dan zaman Madīnah.

Sebagai contoh Ibn Ishāq telah mengambil sumber daripada al-Zuhri pada zaman kerasulan, antaranya: yang menceritakan tentang zaman kenabian Nabi Muḥammad SAW, yang menceritakan kisah orang-orang Quraish mendengar Rasūlullah membaca al-Quran (Ibn Hisyām, 1990). Manakala contoh yang dipetik oleh Ibn Ishāq daripada al-Zuhri yang

menceritakan kisah-kisah yang berlaku pada zaman Madīnah, antaranya yang menceritakan tentang penghijrahan Rasūllah SAW. Sebagai kesimpulannya, Ibn Ishāq telah mengambil sumber-sumber sirahnya berdasarkan periyawatan daripada al-Zuhri sebanyak 20 kali (Ibn Hisyām, 1990), atau mungkin lebih banyak lagi.

2. ‘Āṣim bin ‘Umar bin Qatādah

Menurut al-Dhahabi (1374H), nama sebenarnya ialah ‘Āṣim bin ‘Umar bin Qatādah bin Nu‘mān Abū ‘Umar al-Zafari al-Anṣārī al-Madani. Beliau berasal dari Madīnah. Meninggal dunia pada tahun 120H/737M. Beliau dikatakan seorang yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang sejarah hidup Rasūllah SAW, dan pernah dilantik oleh Khalifah ‘Umar bin Abdul ‘Aziz untuk mengajar sirah Nabi di masjid Jāmi‘, Damsyik. ‘Āṣim merupakan tempat rujukan penting bagi Ibn Ishāq dan al-Wāqidi dalam penulisan Sirah. Contohnya, al-Tabari dalam bukunya menyebut bahawa Ibn Ishāq mengambil daripada ‘Āṣim bin ‘Umar apabila menulis tentang pembahagian hasil *qismah* yang disebut oleh Rasūllah SAW dalam kalangan sahabat baginda (Quraisy dan Anshar) dan beliau juga menulis tentang orang munafikin (al-Tabari, 1991).

Keistimewaan ‘Āṣim dalam bidang sejarah ialah kerana beliau bukan sekadar memperkembangkan fakta-fakta peristiwa yang berlaku, malah beliau juga menyatakan pendapatnya. Contohnya, ketika beliau menulis tentang perjanjian Aqabah. Ibn Ishāq menulis perkataan ‘Āṣim bin ‘Umar Bin Qatadah bahawa al-‘Abbās bin ‘Ubādah bin Naḍlah al-Ansari berkata kepada kaum Khazraj (Ibn Hisyām, 1990):

Terjemahan: “Wahai orang-orang Khazraj, adakah kamu mengetahui di atas apakah kamu membai‘ah (Rasūllah)? Hulurkan tangan engkau”, lalu mereka memberi bai‘ah kepadanya. Sehubungan dengan itu ‘Āṣim berkata sebagai membuat ulasan kepada peristiwa tersebut bahawa al-‘Abbās bertindak demikian adalah untuk menguatkan pengakuan mereka (bai‘ah mereka) kepada Rasūllah SAW dengan penuh kesedaran dan rasa tanggungjawab”.

Tegasnya ‘Āṣim bin ‘Umar bin Qatādah menjadi sumber periyawatan penting dalam sirah Ibn Ishāq. Tidak kurang dari 30 kali Ibn Ishāq telah mengambil sumber sirahnya daripada ‘Āṣim bin ‘Umar (Ibn Hisyām, 1990).

3. ‘Abd Allah bin Abu Bakar bin ‘Umar al-Anṣārī

Al-Dhahabi (1374H) menyatakan bahawa tokoh ini ialah ‘Abd Allah bin Abu Bakar bin ‘Umar bin Hazm al-Anṣārī. Meninggal dunia di antara tahun 130-135 H/747-752M. Riwayatnya berkisar tentang sejarah hidup Rasūllah SAW dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman kerajaan Umayyah.

Beliau merupakan guru kepada Ibn Ishāq. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya cerita-ceritanya banyak dipetik oleh Ibn Ishāq. Selain itu, al-Wāqidi, Ibn Sayyid dan al-Tabari juga banyak memetik cerita-ceritanya. Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapat disenaraikan sebanyak lebih kurang 20 kali Ibn Ishāq mengambil sumber sirahnya melalui ‘Abd Allah bin Abu Bakar (Ibn Hisyām, 1990).

Selain daripada al-Zuhri, ‘Āsim bin ‘Umar bin Qatadah dan ‘Abd Allah bin Abu Bakar Bin ‘Umar al-Anṣāri, ramai lagi para perawi yang telah dijadikan sumber rujukan dalam sirah Ibn Ishāq, namun secara umumnya riwayatnya adalah kembali kepada keluarga al-Zubayr dan *mawāli* mereka (Ibn Hisyām, 1990).

4.4 Isi Kandungan Sirah Ibn Ishāq

Secara umumnya isi kandungan sirah Ibn Ishāq dapat dijelaskan dan digambarkan dalam kerangka seperti berikut:

1. Dalam kisah sirah Ibn Ishāq yang asal, terdapat sirah Nabi Ādam hingga Nabi Ibrāhīm, cerita-cerita isra’iliyat dan syair-syair yang tidak diketahui puncanya. Ibn Hishām telah menggugurkan perkara-perkara tersebut (Ibn Hisyām, 1990).
2. Penulisan Ibn Hishām mengandungi sekitar cerita tentang Rasūlullah SAW. Beliau memulakan tulisannya dengan membawa catatan tentang keturunan (*nasab*) Rasūlullah SAW. Juga diceritakan tentang keturunan sesetengah golongan Arab yang mulia, adat resam, ibadat mereka pada zaman jahiliah, peristiwa-peristiwa penting pada zaman jahiliah seperti penemuan kembali telaga zam-zam oleh Abd al-Muṭṭalib bin Hāshim turut disebut (Ibn Hisyām, 1990).
3. Kemudian disentuh tentang kelahiran Rasūlullah SAW. Proses pembesarannya dan kebangkitannya sebagai Rasūl atau lebih dikenali sebagai zaman kerasulan (zaman Mekah). Diceritakan juga permulaan turunnya wahyu, iaitu ketika Rasūlullah SAW beribadat di gua Ḥirā' lalu turunlah wahyu kemudian Rasūlullah pun kembali kepada Siti Khadījah. Turut diceritakan juga ialah mengenai orang-orang terawal yang menerima Islam, contohnya keislaman Khadījah binti Khuwailid (Ibn Hisyām, 1990). telah berkata Ibn Ishāq mengenai Siti Khadījah: “*Dia adalah orang yang pertama beriman kepada Allah dan Rasulnya dengan membenarkan segala apa yang dibawa olehnya. Maka dengan itu, beliau meringankan apa yang ditanggung oleh Rasulullah SAW. Tiada sesuatu yang didengarnya yang mendatangkan rasa dukacita kepadanya dengan sebab pendustaan dan penolakan orang ramai terhadap apa yang diserunya, melainkan baginda mendapati hiburan daripada isterinya bila baginda kembali*

ke rumahnya dengan pujukan kata-kata yang lemah-lembut dan memberansangkan yang meningkatkan kembali ketabahan dan kesabaran baginda SAW’ (Ibn Hisyām, 1990).

4. Pandangan tentang sikap Quraisy terhadap dakwah Rasūlullah SAW juga turut dipaparkan. Ibn Isḥāq meriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin Abbās bahawa kaum musyrikin membela orang Islam, membiarkan kebuluran dan haus dahaga sehingga tidak berdaya lagi hendak duduk kerana terlampau teruk seksaan ke atas mereka itu dengan tujuan supaya mereka rujuk kembali (murtad) kepada agama mereka yang asal, agar berkata: “*Aku sebenarnya beriman kepada Tuhan al-Lātā dan al-‘Uzzā*”. Terdapat juga sesetengah orang Islam ada memperkatakan kata-kata yang menunjukkan kekuatan, sedang hati mereka tetap dalam keimanan bagi tujuan mengelakkan diri dari diseksa (Ibn Hisyām, 1990).
5. Selain itu diceritakan juga tentang permulaan diwajibkan sembahyang sempena *Isrā’ Mi’rāj*, cerita orang-orang Quraisy mendengar bacaan Rasūlullah SAW dan penurunan surah al-Kauthar (Ibn Hisyām, 1990).
6. Kisah tentang hijrah ke negeri Ḥabsyah, orang pertama yang berhijrah, sikap Najāshi terhadap orang-orang Islam, cerita golongan Quraisy yang menghantar rombongan bagi memujuk Najāshi supaya menghantar balik orang-orang Islam pulang ke Mekah dan kegagalan rombongan itu (Ibn Hisyām, 1990).
7. Tindakan pemulauan terhadap Bani Hāsyim dan Bani Abd al-Muṭṭalib, cerita tentang kewafatan Abū Ṭālib dan Khadījah. Diceritakan juga tentang *bai’ah ‘Aqabah* (perjanjian setia Aqabah) iaitu teks tentang *bai’ah* tersebut dan hal-hal yang berkaitan (Ibn Hisyām, 1990).
8. Diceritakan juga kisah-kisah semasa zaman Madīnah. Sebagai contoh tentang perbincangan untuk berhijrah ke Madīnah dan peristiwa Surāqah bin Ju’shum. Cerita orang-orang Islam yang menunggu ketibaan Rasūlullah SAW, suasana ketika ketibaan baginda SAW ke Madīnah. Kisah pembinaan Masjid Madīnah dan suasana Madīnah bagi orang-orang Muḥājirin. Dikisahkan juga beberapa maklumat tentang sikap orang Yahudi terhadap Rasūlullah SAW dan akhirnya membawa kepada perdamaian Rasūlullah dengan orang-orang Yahudi di Madīnah (Ibn Hisyām, 1990).
9. Cerita-cerita tentang peperangan di Madīnah turut dipaparkan, contohnya peperangan Badar dan kenyataan terperinci tentang peperangan tersebut. Kisah peperangan Uhud berkaitan cadangan orang Islam untuk bertahan di Madīnah atau keluar menghadapi tentera Quraisy di luar Madīnah. Pandangan ‘Abd Allah bin Ubay bin Salūl agar golongan munafikin dan beberapa orang Islam berundur.

Tersebarnya berita bahawa Rasūlullah SAW telah terbunuh tetapi ada orang yang melihatnya selepas pertempuran itu. Ubay bin Khalaf seorang Quraisy berusaha membunuh Rasūlullah SAW tetapi baginda dapat mengatasinya. Perincian tentang para *syuhadā'* terutama tentang syahidnya Saidina Ḥamzah bin Abd al-Muṭtalib dan dikisahkan juga tentang Rasūlullah SAW memeriksa medan pertempuran (Ibn Hisyām, 1990).

10. Kisah utusan dari kabilah Arab menemui Rasūlullah SAW turut diceritakan, peristiwa penyingkiran kaum Yahudi dari Kota Madīnah, perjanjian Ḥudaybiyyah pembukaan Kota Mekah dan perkara yang berlaku dan orang-orang Islam tinggal di Mekah selepas pembukaan kota itu (Ibn Hisyām, 1990).

Cerita-cerita tentang isteri-isteri Rasūlullah SAW turut disentuh, kegeringen Rasūlullah SAW dan baginda dirawat di rumah Siti Aisyah (Ibn Hisyām, 1990), serta peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas baginda jatuh sakit, kewafatan Rasūlullah SAW. cerita tentang suasana selepas kewafatan baginda, iaitu perlantikan Abu Bakar sebagai Khalifah dan pemakaman jenazah Rasūlullah SAW turut dijelaskan. Dan akhir sekali dalam sirah Ibn Hishām diceritakan juga tentang rintihan Ḥasan bin Thābit melalui syair yang berkenaan pemergian kewafatan Rasūlullah SAW.

4.5 Kritikan Atas Sirah Ibn Ishāq

Sesungguhnya setiap kerja manusia tidak terlepas dari kekurangan, jauh lagi untuk sampai ke peringkat kesempurnaan kerana manusia dicipta serba kekurangan dan kelemahan. Kesempurnaan hanya Allah sahaja. Demikian juga dalam sirah Ibn Ishāq tetap tidak selamat daripada kekurangan, antaranya:

1. Kandungan penulisannya tentang cerita-cerita *isrā'īliyāt* tanpa membeza atau mengulas tentang cerita tersebut. Tapi cerita-cerita seumpama ini bukan sahaja ditulis oleh Ibn Ishāq, malah pengarang-pengarang yang lain. Ini kerana sumber maklumat hanya dari ahli kitab sahaja. Ibn Kathīr berpendapat bahawa cerita *isrā'īliyāt* boleh tulis sebagai pengajaran dengan syarat cerita tersebut tidak bertentangan dengan syariah Islam. Beliau berpandukan hadis dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri* (Ibn Kathīr, 1987). Ibn Hishām telah membuang cerita-cerita tersebut kerana tiada hubungan dengan sejarah hidup Nabi Muḥammad SAW.
2. Beliau hanya membawa riwayat tanpa menilai para perawi dari segi kedudukan sesuatu riwayat. Cara ini amat berbeza dengan cara Ibn Kathīr menulis sirah Rasūlullah SAW yang mengkritik setengah

sanad atau kadang-kadang menerangkan kedudukan hadis. Namun usaha Ibn Ishāq mengumpul dan menyusun riwayat sirah tetap disanjungi. Tanpa usaha tersebut mungkin sebahagian riwayat sirah itu hilang dan tidak diketahui. Namun alangkah baik kalau riwayat sirah tersebut ditapis semurninya kerana ia adalah perbicaraan tentang kehidupan Rasūlullah SAW yang perlu dipastikan kebenaran sirahnya.

3. Walaupun Ibn Ishāq mengarang sirahnya menggunakan sistem *isnad* namun sistem sanadnya tidak mengikuti cara ahli hadis dengan sepenuhnya kerana beliau menulis dengan cara “*al-mu'an'an*”, yang menjadi satu istilah dalam ilmu *muṣṭalah* hadis. Ulama telah berselisih pendapat tentang hadis adakah boleh diterima atau tidak? Namun pendapat yang sahih ialah ia boleh digunakan dengan syarat-syarat tertentu (al-Tahhān, 1987).
4. Ibn Ishāq meriwayat sirahnya melalui perawi yang *majhūl* (tidak dikenali). Riwayat perawi *majhūl* tidak boleh diterima riwayatnya sehingga dijelaskan namanya atau diterangkan nama tersebut dalam riwayat lain. Ia ditolak kerana tidak dapat ditentukan dari segi keadilan disebabkan tidak diketahui peribadi perawi tersebut (al-Tahhān, 1987).

Dalam sirah Ibn Ishāq terdapat fakta sejarah yang tidak diterima kerana bertentangan dengan hadis sahih. Sebagai contoh, Ibn Ishāq menulis ketika kematian Abu Talib, ‘Abbās telah melihat Abu Thalib menggerakkan bibirnya mengucap dua kalimah syahadah, dan diberitahu kepada Rasūlullah SAW tapi baginda menjawab bahawa baginda tidak mendengarnya (al-Dhahabi, 1995). Kisah ini bertentangan dengan hadis sahih riwayat al-Bukhāri yang menyatakan bahawa Abū Ṭālib mati dalam syirik. Tambahan lagi ‘Abbās ketika itu belum memeluk Islam dan ceritanya tidak boleh diterima.

Berdasarkan pandangan ulama terhadap Ibn Ishāq dan sirahnya, dapat dirumuskan bahawa periyatan Ibn Ishāq dapat diterima secara umum tetapi perlu diteliti dan disokong oleh riwayat-riwayat lain. Penerimaan umum oleh ulama dapat disaksikan pada penerimaan al-Bukhāri dengan riwayat *mu'allaq* (tergantung) oleh Ibn Ishāq, Imām Muslim yang meletakkannya sebagai syawāhid (bukti) dalam Ṣahīḥ Muslim, pengiktirafan oleh Muḥammad bin Tāhir al-Maqdisi, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, dan Ibn ‘Adī al-Jarjāni (Deraman & Yusof, 2010).

5. Kesimpulan

Sudah dijelaskan bahawa riwayat Ibn Ishāq boleh diterima namun bukan semua riwayat yang terdapat dalam kitab sirahnya boleh diterima. Al-Dhahabi telah menegaskan bahawa terdapat hadis-hadis yang *munkar* dan terputus dalam sirah Ibn Ishāq. Walau bagaimanapun para pengkaji bersepakat bahawa apa yang ditulis oleh Ibn Ishāq merupakan data yang paling dipercayai mengenai sirah dan merupakan sumber rujukan utama bagi ulama selepas beliau dalam perbahasan mereka mengenai sirah (al-Buti, 1998).

Ibn Ishāq amat berjasa dalam bidang penulisan sirah. Ibn ‘Adī sendiri mengatakan bahawa kalau tidak ada kelebihan lain sekali pun bagi Ibn Ishāq, mencukupi kerana beliau telah menulis sirah yang dapat memalingkan perhatian raja-raja pada waktu itu daripada membaca karya-karya tidak berfaedah kepada membaca sirah Ibn Ishāq yang berkaitan dengan sirah Rasūlullah SAW (Ibn Hisyām, 1990). Justeru, untuk menerima atau menilai riwayat sirah mestilah berpandukan kaedah *muṣṭalaḥ* hadis kerana sirah menyerupai hadis disebabkan ada *sanad* sebelum matan yang memudahkan untuk menilai seseorang perawi. Riwayat-riwayat yang sahih mestilah terlebih dahulu diterima, manakala riwayat-riwayat yang *da’if* (lemah) yang tidak berkaitan dengan akidah dan syariah boleh diterima sebagai pengajaran setelah tidak terdapat riwayat yang *sahīh* dan *hasan*.

Rujukan

- Al-Būtī, M. S. R. (1998). *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Dār al-Fikr.
- Al-Dhahabi, M. A. (1374H). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. sunt. Shu'ayb al-Arnā'uṭ. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Dhahabi, M. A. (1995). *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*. sunt. 'Alī Muḥammad Mu'awwad. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dhahabi, S. M. (t.th). *Kitāb Tadhkirah al-Ḥuffāẓ*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Saqā, M. (2009). *Al-Sīrah al-Nabawiyah li Ibn Hishām*. Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi.
- Al-Ṭabarī, M. J. (1991). *Tārīkh al-Ṭabarī; Tārīkh al-Umam wa wa al-Muluk*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Taḥḥān, M. (1987). *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Hadīth*. Maktabah al-Ma'ārif.
- Al-Ya'muri, M. (2008). *'Uyūn al-Āthār fī Funūn al-Maghāzi wa al-Shamā'il wa al-Siyar*. sunt. Muḥammad al-'Id al-Khatrawi. Maktabah Dār al-Turāth.
- Azra, A. (2002). *Historiografi Islam Kontemporer Wacana, Aktualitas dan Aktor Sejarah*. PT Gramedia Pustaka Umum.
- Al-'Umari, A. D. (1994). *Al-Sīrah al-Nabawiyah al-Šahīḥah*. Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.
- Al-Zuhaili, M. (1999). *Al-Imām al-Ṭabarī: Syaikh al-Mufassirīn wa 'Umdah al-Mu'arrikhīn wa Muqaddam al-Fuqahā'* al-Muḥaddithīn. Dār al-Qalam.
- Deraman, F., & Yusof, A. S. (2010). Muhammad bin Ishaq Menurut Perspektif Nuqqad dan Muḥaddithin. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 3, 115-133.
- Għadbiān, M. M. (1419H). *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Jāmi'ah Umm al-Qurā.

- Graham, W. A. (1992). Review of The Making of the Last Prophet: A Reconstruction of the Earliest Biography of Muhammad. *History of Religions*.
- Harun, A. S. (1985). *Tahdhīb Sīrah Ibn Hishām*. Mu'assasah al-Risālah.
- Ibn Ḥajar, A. 'A. (1984). *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, A. 'A. (1990). *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣahīl al-Bukhārī*. Dār al-Bayān li al-Turāth.
- Ibn Hisyām (1990). *Al-Sīrah al-Nabawiyah*. sunt. 'Umar 'Abd al-Salam Tadmuri. Dār al-Kutub al-'Arabi.
- Ibn Kathir, I. 'U. (1987). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ishāq, M. (2004). *Al-Sīrah al-Nabawiyah*. sunt. Ahmad Farid al-Mazidi. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Yahaya & Halimi, M. H. & A. J. (1993). *Sejarah Islam*. Fajar Bakti.
- Ibrahim & Yahaya, M. Y. & M. H. (1988). *Sejarawan Dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mu'nis, H. (1985). *Dirāsāt fī al-Sīrah al-Nabawiyah*. Al-Zahrā' li al-I'lām al-'Arabi.
- Mujani, W. K. (2007). Review of Traditional Sīrah Literature: Early Sources of Sīrah. *Jurnal Usuluddin*, 25, 45-60.
- Kashif, S. I. (1983). *Maṣādir al-Tārikh al-Islāmi wa Manāhij al-Baḥṭ Fīhi*. Dār al-Ra'īd al-'Arabi.
- Spoerl, J. (2013). Muhammad and the Jews according to Ibn Ishaq. *The Levantine Review*, 2 (1), 84-103.

Analisis Terhadap Penulisan Ibn Ishāq dalam Kitab Al-Sīrah Al-Nabawiyah